

Pelbagai insentif kurangkan beban, perkukuh ekonomi

Rancangan perbelanjaan terbaik tingkat kesejahteraan rakyat terbanyak

Oleh Shahrizan Saiian
shahrizan_salian@bh.com.my

Kuala Lumpur: Belanjawan 2025 dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam disifatkan antara rancangan perbelanjaan terbaik negara yang sarat dengan inisiatif untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat, pengagihan hasil negara secara adil dan menyeluruh serta memperkukuh ekonomi.

Membentangkan belanjawan terbesar dalam sejarah melalui peruntukan keseluruhan sebanyak RM421 bilion meliputi RM335 bilion belanja mengurus dan RM86 bilion belanja pembangunan, kerangkanya diselenggarakan secara strategik dengan kerangka Ekonomi MADANI bagi menstruktur semula ekonomi negara ke tahap lebih baik.

Mengandungi 60 ikhtiar yang menyusuli semua penanda aras Ekonomi MADANI, Belanjawan 2025 memberikan tiga tumpuan iaitu usaha untuk membugar ekonomi, menjana perubahan dan mensejahtera rakyat.

Menumpukan kepada kesejahteraan rakyat terbanyak, Perdana Menteri berkata kerajaan mengekalkan subsidi untuk majoriti rakyat, seperti yang dilaksanakan dalam penyasaran subsidi elektrik, apabila 85 peratus rakyat tidak terkesan.

"Bagi mengelakkan kekeliruan, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa tanggungan subsidi masih diteruskan untuk 85 peratus rakyat. Maknanya, kerajaan akan terus menanggung subsidi yang dianggar berjumlah RM12 bilion untuk keperluan 85 peratus rakyat," katanya membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat.

Bagi mencapai matlamat ini, penyasaran subsidi akan tertumpu kepada golongan 15 peratus berpendapatan teratas atau mahakaya bagi meringankan beban kewangan kerajaan.

Ini termasuklah penyasaran subsidi petrol kepada warga asing dan 15 peratus pendapatan



Anwar membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)



teratas yang menikmati 40 peratus subsidi RON95 bernilai RM8 bilion, yang sewajarnya dimanfaatkan bagi peningkatan kemudahan pendidikan, kesihatan serta pengangkutan awam.

Anwar turut menyentuh subsidi untuk murid sekolah berasrama penuh (SBP) yang mencecah RM15,000 setahun, tetapi 30 peratus daripadanya dinikmati murid daripada keluarga berpendapatan tinggi.

Begitu juga, subsidi yuran pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan (UA) kini turut diberikan tanpa mengambil kira pendapatan keluarga, yang mana jika ia dikurangkan secara berperingkat bagi kumpulan pendapatan 15 peratus teratas, kutipan yang diraih boleh dimanfaatkan untuk menambah baik prasarana SBP dan UA untuk manfaat semua pelajar.

Penyasaran subsidi akan turut melibatkan kesihatan awam, yang mana golongan berpendapatan tinggi wajar menyumbang kepada perkhidmatan kesihatan lebih baik di hospital kerajaan.

Manfaatkan penjimatan

Anwar berharap penjimatan diraih dapat dimanfaatkan untuk membiayai peranti perubatan untuk pesakit miskin dan menaik taraf peralatan hospital dan klinik.

Perdana Menteri berkata, langkah yang diambil untuk memperbaiki pengurusan kewangan kerajaan itu secara langsung ada-

lah bagi mengupayakan bantuan yang lebih bermakna kepada rakyat.

Dengan menaikkan jumlah bantuan sosial untuk golongan berpendapatan rendah menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada RM13 bilion, Anwar mengumumkan selepas ini tidak ada rakyat di Malaysia berpendapatan kurang RM1,100 sebulan, belum mengambil kira bantuan daripada kerajaan negeri, zakat dan yayasan.

STR dan SARA berjumlah RM13 bilion adalah penambahan daripada RM10 bilion tahun ini, yang akan memberikan manfaat kepada sembilan juta penerima atau 60 peratus penduduk dewasa negara.

Penambahan peruntukan RM3 bilion membolehkan kadar maksimum yang diterima isi rumah meningkat kepada RM4,600, berbanding RM3,700.

Pendapatan rakyat turut menjadi tumpuan kerajaan MADANI apabila Perdana Menteri menegaskan penstruktur ekonomi hanya dianggap berjaya apabila rakyat meraih gaji dan upah yang bermakna untuk menjalani hidup dengan lebih selesa.

Sehubungan itu, kerajaan ber-setuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa 1 Februari 2025.

Dasar Gaji Progresif untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat meningkatkan pendapatan pekerja yang mula dilaksanakan secara rintis Jun lalu juga akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun depan.